

**NO. SOALAN: 469**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH**

**RUJUKAN : 9781**

**SOALAN:**

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan standard prosedur untuk kes-kes kematian tahanan dalam jagaan Jabatan Imigresen, samada autopsy dijalankan, macamana sebab kematian ditentukan, macam mana keluarga dimaklumkan, berkenaan penghantaran mayat ke negara asal dan apa berlaku bila mayat tidak dituntut dan sebagainya.**

## **JAWAPAN:**

**Apabila berlaku sesuatu kematian di dalam Depot Tahanan Imigresen (DTI), prosedur seperti terkandung di dalam Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen akan diambil tindakan serta merta oleh pengurusan depot. Antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah melaporkan kematian kepada balai polis terdekat dan Majistret yang bertugas sebagai koroner. Segala tindakan sewaktu siasatan koroner adalah mengikut kepada arahan koroner yang dibantu oleh pakar forensik polis.**

**Adalah menjadi tanggungjawab pengurusan depot untuk melaporkan kematian tersebut kepada Wisma Putra dan kedutaan asing di mana subjek itu berasal. Jika mayat tidak dituntut oleh waris atau kedutaan asing tersebut dalam tempoh 14 hari, pengurusan depot akan menghubungi pihak hospital dan badan kebajikan hospital untuk urusan pengebumian/pembakaran mayat mengikut agama si mati.**